

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 38

Pulau Pinang kekal pengeksport utama

Pulau Pinang kekal pengeksport utama

PETALING JAYA - Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama negara bulan lalu, setelah menyumbang 28.7 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia pada Februari 2023 yang berjumlah RM112.3 bilion, menurut Jabatan Perangkaan.

Johor di kedudukan kedua dengan sumbangan sebanyak 21.5 peratus, diikuti Selangor (17.6 peratus), Sarawak (8.6 peratus) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (5.4 peratus).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin, berkata, eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri dengan Johor menyaksikan pertumbuhan tertinggi iaitu sebanyak RM5 bilion diikuti Pulau Pinang (+RM3 bilion), Kuala Lumpur (+RM2.1 bilion) dan Sarawak (+RM1.2 bilion).

"Walaupun bagaimanapun, eksport menyusut di Labuan (-RM1.1 bilion), Sabah (-RM559.6 juta), Kedah (-RM426.6 juta), Perak (-RM397.1 juta), Pahang (-RM79.6 juta) dan Perlis (-RM19 juta)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Uzir menambah, Selangor pula merupakan penyumbang utama import dengan 26 peratus daripada keseluruhan import Februari 2023 yang bernilai RM92.7 bilion, diikuti oleh Johor (26 peratus), Pulau Pinang (21.5 peratus), Kuala Lumpur (6.2 peratus) dan Kedah (4.9 peratus).

